

# PPIBKAL adakan Taman Pengetahuan di SK Bebuloh

43 9.11.2017 65

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Kampus Antarabangsa Labuan (PPIBKAL) mengadakan Taman Pengetahuan untuk pelajar SK Bebuloh tidak jauh dari kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di

sini.

Pameran diselenggarakan Pensyarah Sains dan Alam Sekitar Nurul Ain Zulhaimi itu melibatkan pelbagai pameran dan permainan.

“Taman Pengetahuan merupakan antara sudut yang diadakan disekolah ini,” katanya.

Sudut yang juga dikenali

‘Garden of Knowledge’ itu diadakan dari pagi sehingga tengahari yang turut dihadiri penduduk sekitar.

Antara aktiviti yang menarik

penyertaan murid-murid ialah ‘Wishing Tree’, ‘Jenga Spelling Bee’ dan ‘Arabic roulette’.

Turut menjayakan program itu

ialah Ketua Penyelaras PPIBKAL Dr Romzi Ationg, Dr Nordi Achie, Dr Siti Khatijah dan Dr Nurul Asyikin Muda.

Beberapa sudut lain memeriahkan lagi program itu antaranya pameran CIMB, pemeriksaan kesihatan dan gerai jualan.



**SEORANG** murid meneliti tunjuk ajar pensyarah PPIBKAL.



Gambar atas **MURID**-murid meletak simbol pada pokok impian.



Gambar kiri **PENSYARAH** dan murid-murid SK Bebuloh di Taman Pengetahuan.